

Luar Negara

Laporan WHO mengenai kes kematian selesema burung jadi kontroversi

Saintis pertikai angka korban

NEW YORK 24 Feb. - Sekumpulan saintis menolak penilaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengatakan kematian akibat virus selesema burung di kalangan manusia mencecah 50 peratus, sekali gus membangkitkan kontroversi terhadap kajian mengenai virus tersebut.

Kumpulan yang diketuai pakar virologi dari Sekolah Perubatan Mount Sinai di sini, Peter Palese berkata, pengiraan anggaran kes dalam analisis tersebut tidak menggunakan asas yang kukuh dan angka sebenar adalah jauh lebih rendah berbanding analisis yang disiarkan oleh jurnal sains edisi dalam talian itu.

Palese dan rakan-rakannya tidak menyatakan kadar kematian spesifik akibat jangkitan selesema burung, namun berdasarkan angka yang tercatat dalam analisis mereka, kadarnya kelihatan di bawah satu peratus.

WHO bagaimana pun tetap dengan angka yang dike-



PETUGAS kesihatan menyembur kandang-kandang burung bagi mengelakkan penularan virus selesema burung di kedai burung di Medan, Sumatera, baru-baru ini. - AP

luarkan dari beberapa pakarnya mengkritik kumpulan yang diketuai Palese dengan berkata, penilaian me-

reka berdasarkan data yang salah.

Sehingga semalam, WHO mencatatkan 586 kes dijangkiti selesema

burung, dengan kematian sebanyak 346 kes, iaitu 59 peratus.

Palese bagaimana pun menolak untuk diwawancara dan meminta rakan penyelidik agar tidak bercakap dengan pemberita, menurut pejabat media tempat beliau bekerja.

Jurnal sains dan alam semula jadi buat masa ini menangguh sementara penyiaran dua kertas eksperimen mengenai penghasilan mutan, iaitu virus selesema burung H5N1 dalam bentuk lebih mudah berjangkit.

Kelewatan berlaku berikutnya permintaan panel biokeselamatan Amerika Syarikat (AS), yang risau kajian tersebut disele-

weng oleh pihak yang tidak sepertutnya dan digunakan bagi mencipta pandemik yang boleh me-

ngundang kematian sehingga ber-puluh-puluh juta manusia.

Penyelidik di AS dan Belanda bersetuju menghentikan sementara kajian mereka. Para saintis dan pegawai rasmi kesihatan yang bermedsyuarat di WHO minggu lalu juga bersetuju penangguhan sementara dilakukan sehingga mereka mendapat jawapan mengenai risiko penyelidikan tersebut.

Jurucakap jurnal tersebut, Kathleen Wren berkata, kontroversi berhubung kajian virus tersebut tidak memainkan peranan penting berhubung keputusan penyiaran sebarang kajian kerana setiap analisis mempunyai kelebihan masing-masing.

Jurucakap WHO, Gregory Hartl juga berkata, kes kematian akibat selesema burung di kalangan manusia ketika ini dicatatkan antara 30 peratus di Mesir hingga lebih 80 peratus di Indonesia dan Kemboja.

Beliau juga berkata pihaknya lebih selesa meletakkan kadar kematian antara angka itu, berbanding analisis yang dijalankan oleh pa-sukan Palese. - REUTERS